

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan tumpu tangani isu kekurangan jururawat

Bawa Kertas Putih ke Parlimen pastikan sektor kesihatan awam terjamin

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Selepas berjaya menangani isu doktor kontrak, Kementerian Kesihatan (KKM) kini akan menumpukan usaha menyelesaikan masalah kekurangan dan perjawatan jururawat di negara ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata tidak adil sekiranya beliau yang dilantik ke jawatan berkenaan tidak sedaya upaya mendapatkan apa yang dikehendaki oleh jururawat.

"Saya akan bekerjasama dengan Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Dr Noor Hisham Abdullah) dan Datuk KSU (Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh Hardev Singh).

"Saya akan pastikan rakyat tidak akan lupa kepada perjuangan sektor kesihatan sebab itu pada tahun ini saya nak bawa Kertas Putih kepada Parlimen supaya kita dapat menjamin pelaburan yang terbaik dalam kesihatan awam untuk tahun mendatang," katanya.

Berucap merasmikan Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa



Khairy dan Dr Noor Hisham bersama jururawat pada majlis Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2022 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

sa 2022, di sini semalam, Khairy mengakui, menerima banyak aduan berhubung kekurangan jururawat di hospital.

Beliau memaklumkan, lawatannya ke Hospital Tunku Azizah (HTA) di ibu negara minggu lalu mendapati hospital moden dan canggih untuk ibu dan anak di Kuala Lumpur itu didapati tidak dapat memaksimumkan perkhidmatan kerana tidak cukup jururawat.

"Jadi kita sudah cepatkan kelulusan jururawat untuk dihan-

tar ke HTA dan usahakan untuk hantar ke hospital lain juga," katanya.

Tanpa mendedahkan jumlah sebenar kekurangan dalam perjawatan itu, Khairy berkata, walaupun tidak dapat membantu jururawat secara 100 peratus, beliau berjanji akan berusaha sebaik mungkin dalam menangani isu yang membelenggu sektor berkenaan.

"Kalau saya kata saya nak buat, saya akan usahakan. Saya tidak suka tabur janji, saya akan cuba

yang terbaik seperti yang dilakukan ketika isu doktor kontrak sebelum ini. Walaupun tidak dapat membantu 100 peratus, saya akan usahakan juga," katanya.

"Selain itu, saya akan membantu status jururawat kontrak yang membabitkan seramai 3,469 orang, jururawat yang sudah mempunyai ijazah namun masih berada dalam gred sokongan 2,998 dan jururawat masyarakat yang sudah ambil kursus, namun belum dilantik ke gred U29 seramai 1,030," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Warga KKM dilarang buat sebarang kenyataan kepada media

Putrajaya: Larangan ke atas warga Kementerian Kesihatan (KKM) membuat sebarang kenyataan kepada pihak media atau orang awam, bukan disebabkan isu doktor pelatih dibuli, sebaliknya dasar biasa dan tidak merujuk mana-mana isu berkaitan kementerian.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin ketika ditemui media pada Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2022 di sini semalam, menjelaskan hanya individu yang dibenarkan boleh membuat kenyataan awam.

"Itu arahan biasa, iaitu individu yang dibenarkan sahaja boleh membuat kenyataan. Ia tidak merujuk kepada kes ini (doktor pelatih dibuli). Apa yang penting, kita memang mengambil serius berkaitan tuduhan doktor pelatih dibuli ini."

"Saya membuat pendirian untuk tidak banyak bercakap mengenai isu ini kerana banyak pandangan berbeza. Kita mahu lakukan siasatan yang adil kepada semua pihak dan sudah pasti doktor muda ini mahu tindakan diambil sekiranya betul perkara ini berlaku."

"Jadi, ia perlu melalui tindakan yang sewajarnya dan bukan melalui media sosial semata-mata. Disebabkan kita ambil serius tuduhan ini, kita tidak boleh ambil tindakan hanya melalui tuduhan di media sosial, ia perlu melalui proses siasatan telus dan betul," katanya.

Polisi Larangan Penyataan Awam 2021 KKM berkaitan larangan itu, antara lain menyatakan pegawai awam di bawah kementerian tidak boleh secara lisan atau bertulis, dengan apa-apa cara membuat penyataan awam yang boleh memudaratkan dasar, rancangan atau keputusan kerajaan untuk sebarang isu.

Selain itu, warga kementerian juga diingatkan untuk tidak membuat kenyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan kerajaan.

"Membuat apa-apa ulasan mengenai kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan atau mengedarkan apa-apa kenyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain," menurut paparan berkenaan.

Peraturan 19(2) menyatakan, seseorang pegawai di bawah KKM tidak boleh membuat sebarang ulasan mengenai kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan serta tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat berdasarkan fakta berhubung perjalanan fungsi kerajaan.

Kes buli turut babit doktor pakar

Putrajaya: Lima nama yang didakwa sebagai pembuli doktor pelatih di Hospital Pulau Pinang (HPP) turut membabitkan doktor pakar, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, semua doktor yang didakwa terabit dalam kes berkenaan masih bekerja seperti biasa dan tidak digantung tugas.

"Kita tidak boleh pindah keluar atau gantung tugas doktor berkenaan, ada nama dihantar itu turut babit peringkat pakar. Bukan senang kita nak pindah keluar doktor pakar. Jadi buat masa ini semua masih bertugas seperti biasa dan siasatan masih berjalan," katanya selepas merasmikan Hari Jururawat Sedunia, semalam.

Khairy juga memaklumkan, senarai ahli pasukan petugas bebas

bagi menyiasat kes buli kalangan doktor pelatih akan diumumkan hari ini bersama terma serta rujukan dan beliau tidak akan menguruskan jawatankuasa berkenaan.

Mengenai tempoh siasatan, beliau berkata, prosiding itu biasanya akan selesai dalam beberapa minggu kerana ia membatikan pertuduhan berat, iaitu budaya kerja tidak profesional atau buli.

"Ia akan babitkan sesi temu bual pengadu dan pakar yang dituduh, jadi lebih baik beri sedikit masa untuk pasukan bertugas dan unit integriti yang biasanya kita laksanakan tindakan tata tertib. Kita akan tengok pada kedua-dua hasil siasatan ini dulu sebelum sebarang tindakan dapat diambil," katanya.

**Nama 5 doktor
HPP didakwa
pembuli
diserahkan
kepada KKM**

*Keratan
akhbar BH
semalam.*

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Dr Noriela Ariffin, berkata beliau sudah menyerahkan nama lima doktor di HPP yang didakwa pembuli kepada Kementerian Kesihatan (KKM) untuk tindakan lanjut.

Katanya lagi, lima doktor itu bagaimanapun tidak mempunyai

kaitan dengan kematian seorang doktor pelatih yang bertugas di HPP kerana kes terabit masih dalam siasatan.

Pada 17 April lalu, seorang doktor pelatih lelaki berusia 25 tahun ditemukan maut, dipercayai terjatuh dari unit kediamannya di bangunan berhampiran di Jalan Datuk Keramat, Georgetown.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Dr Maarof Sudin mengesahkan mangsa adalah Pegawai Perubatan Siswazah yang melaporkan diri pada 4 April lalu di HPP.

Berikutan itu, pada 6 Mei lalu, Khairy mengumumkan KKM akan menubuhkan pasukan petugas bebas bagi menyiasat kematian doktor pelatih berkenaan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Tarikh vaksin kanak-kanak dilanjutkan 31 Mei depan

Kuala Lumpur: Tarikh akhir pemberian vaksin COVID-19 untuk dos pertama melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) yang sepatutnya tamat Ahad ini, akan dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

Keputusan itu dibuat Jawatankuasa Bertindak Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (CITF-C) mengambil kira sambutan Aidilfitri dan cuti kelepasan am yang jatuh pada tarikh akhir pemberian vaksin serta penutupan pusat pemberian vaksin (PPV).

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, keputusan itu dibuat melalui mesyuarat CITF-C Selasa lalu untuk memberi peluang ibu bapa yang masih ingin mendapatkan vaksin bagi anak mereka.

"Bagaimanapun, keputusan menetapkan tarikh akhir pendaftaran dan tempahan janji temu vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera iaitu pada 8 Mei lalu dikekalkan dengan tempahan janji temu tidak lagi diterima selepas tarikh berkenaan," katanya.

Beliau meminta ibu bapa yang berhasrat memberi vaksin kepada anak mereka tetapi belum berkesempatan berbuat demikian, rebutlah peluang terakhir berkenaan sebelum terlambat.

Katanya, selepas 31 Mei ini kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun tidak lagi ditawarkan vaksin percuma di bawah PICKids.

"Mereka perlu mendapatkan vaksin ditawarkan secara berbayar di pasaran swasta. Pengecualian diberikan kepada kanak-kanak berkenaan terpaksa membatalan janji temu sebelum atau pada 31 Mei kerana mereka dijangkiti COVID-19," katanya.

Syor dos penggalak kedua warga tua secara sukarela

Putrajaya: Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) Kementerian Kesihatan (KKM) mengesyorkan pemberian dos penggalak kepada individu berumur 60 tahun dan ke atas boleh dibuat secara sukarela dalam tempoh empat hingga enam bulan selepas menerima suntikan dos penggalak pertama.

Individu 18 hingga 59 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk seperti penyakit kronik jantung, paru-paru, buah pinggang, hati dan lain-lain pula boleh ditawarkan dos penggalak kedua dalam tempoh sama selepas menerima dos penggalak pertama dan berbincang dengan pengamal perubatan berdaftar.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan, rema-

ja berumur 12 hingga 17 tahun yang mempunyai risiko klinikal penyakit teruk boleh ditawarkan dos penggalak pertama tempoh empat hingga enam bulan selepas menerima dos primer dan berbincang dengan pengamal perubatan berdaftar.

"Seperti dijelaskan sebelum ini, individu yang lengkap menerima dos primer vaksin diikuti dengan dos penggalak pertama terbukti boleh mendapat perlindungan optimum daripada jangkitan COVID-19 yang teruk serta kematian.

"Namun disebabkan berlaku penurunan imuniti dalam tempoh yang tertentu (waning immunity), terutama kepada individu dalam kumpulan rentan, risiko

masih lagi tinggi bagi kumpulan

ini untuk mendapat jangkitan yang teruk, dimasukkan ke hospital dan seterusnya boleh menyebabkan kematian.

"KKM juga ingin memaklumkan pengambilan vaksin dos penggalak kedua ini adalah secara sukarela," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau juga memaklumkan bahawa penggunaan ubat antiviral 'Paxlovid' telah dimulakan sejak 15 April lalu bagi merawat pesakit COVID-19 dan sehingga 9 Mei, seramai 173 pesakit diberikan rawatan berkenaan, telah sembuh sepenuhnya serta tiada sebarang kesan sampingan dilaporkan.

"Paxlovid dibekalkan untuk rawatan pesakit COVID-19 di 512 Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)

di klinik kesihatan dan 78 hospital kerajaan.

Setakat ini, keutamaan pemberian rawatan Paxlovid adalah kepada pesakit COVID-19 berisiko tinggi yang alami gejala ringan hingga sederhana.

"Kriteria pesakit COVID-19 yang akan diberi keutamaan adalah berumur 18 tahun dan ke atas, jangkitan COVID-19 Kategori 2 dan 3, tidak memerlukan terapi oksigen serta golongan berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk," katanya.

Golongan berisiko tinggi adalah pesakit diabetes, darah tinggi, buah pinggang, asma dan paru-paru kronik, jantung dan kanser dengan pengambilan ubat itu perlu dimulakan segera

dalam tempoh lima hari sejak mula bergejala untuk keberkesanan optimum bagi mengurangkan risiko komplikasi jangkitan lebih teruk.

"Pesakit COVID-19 dalam kumpulan yang dinyatakan boleh hadir ke CAC di Klinik Kesihatan dan hospital kerajaan terpilih untuk dinilai kesesuaian sebelum boleh dimulakan dengan rawatan Paxlovid," katanya.

Katanya, KKM terus komited untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan bagi tujuan rawatan atau pencegahan penularan COVID-19 di Malaysia, dengan memastikan ia dinilai sewajarnya berdasarkan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Kawal pengambilan makanan, elak bergantung kepada suplemen

Bakal perawat,
Universiti Islam
Antarabangsa

Terdapat banyak pandangan mengenai pengambilan makanan tambahan kesihatan atau suplemen. Ia bergantung kepada siapa anda ajukan soalan itu. Jika anda tanyakan kepada mereka yang menjualnya, tentu sahaja semuanya serba bagus dan baik. Namun, jika anda bertanya kepada doktor atau pakar perubatan, jawapannya tentu sahaja ia tidak memberi bantuan tambahan pun kepada kesihatan. Sejak dahulu kita sudah pun mendengar mengenai pengambilan makanan tambahan ini. Banyak wakil jualan langsung yang membuat promosi kepada pengguna dengan pelbagai kaedah. Bukan hanya membuat ujian darah, ada juga memberi khidmat kesihatan percuma misalnya tilam yang kononnya berupaya menumbuhkan sel-sel baharu dalam tubuh atau stokin dengan keupayaan menyerap toksik. Walaupun mungkin produknya berlainan, tetapi motifnya tetap sama. Mereka mencari rezeki dengan menjual produk sebegini, malah sekarang ramai yang tampil dengan cogan kata seakan-akan menunggang agama. Tidak mengapa, kita ketepikan hal itu, apa yang lebih utama apakah sebenarnya kita perlu mengambil makanan tambahan ini? Sebenarnya, mereka yang sihat tidak perlu mengambil makanan tambahan. Kebiasaannya makanan tambahan ini diambil oleh ibu mengandung

atau wanita menyusukan bayi juga warga emas yang uzur. Malah pengambilan suplemen itu juga tidak pula dibuat sebarangan. Sebaliknya atas nasihat doktor.

Mereka yang sihat sama ada lelaki atau perempuan tidak perlu mengambil sebarang makanan tambahan. Semua vitamin tambahan itu kita boleh peroleh daripada makanan yang dinikmati setiap hari. Berdasarkan panduan piramid makanan, anda bukan sahaja dapat memperoleh semua vitamin dan zat diperlukan, pada masa sama, boleh juga mengawal berat badan.

Mungkin ada yang berpendapat mematuhi amalan makanan seperti itu adalah hal remeh dan menyekat selera makan, tetapi ia tentu sahaja lebih baik berbanding mengambil makanan tambahan yang tidak diketahui sumbernya. Kita hanya akan tahu hasilnya dalam beberapa jangka waktu apabila didiagnos mengalami masalah buah pinggang misalnya.

Bukankah itu lebih sadis? Di Malaysia setiap hari, sekurang-kurangnya 10 penduduk didiagnos mengalami kerosakan buah pinggang yang kronik atau berada pada peringkat lima (teruk) dan memerlukan rawatan dialisis. Tentu sahaja perkhayuran begitu jauh lebih buruk berbanding mengawal sendiri pengambilan makanan anda tanpa bantuan suplemen.

Ada juga mereka yang mengambil makanan

tambahan ini sebagai kaedah merawat penyakit kronik misalnya diabetes, buah pinggang atau penyakit hati. Kadang kala keadaan kesihatan semasa mereka tidak begitu teruk, tetapi disebabkan pengambilan makanan tambahan itu mengakibatkan kesihatan mereka semakin merosot.

Ada penyakit yang belum ada ubat, makanlah sebanyak mana suplemen pun kesihatan anda tidak akan bertambah baik. Misalnya jika anda berhadapan masalah retinopati disebabkan diabetes ia membahayakan masalah saraf mata dan setakat ini belum ada ubat boleh menumbuhkan saraf mata rosak. Begitu juga masalah ginjal atau hati, apa yang boleh jadi penawar adalah penggantian organ.

Ada kala jurujual akan membuat promosi, 'ini cara kita beriktihar, selain dapatkan juga rawatan doktor'. Kata-kata manis itu sayang sekali boleh menyebabkan keadaan kesihatan anda semakin teruk.

Ada kala penjual suplemen itu pun tidak ada latar belakang kesihatan dan dia juga bercakap berdasarkan apa yang diajar oleh pihak atasannya. Jadi, sebelum anda memutuskan untuk membeli makanan tambahan seperti itu, tingkatkan dahulu pengetahuan diri.

Pastikan produk yang anda beli itu mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM) dan berhati-hatilah dengan produk yang tampil dengan dakwaan mampu memulihkan pelbagai jenis penyakit.

Usah terburu-buru wujudkan negara bebas rokok

Mustapha
Ahmad,
Setapak, Kuala
Lumpur

Sejak kebelakangan ini, ramai yang memberi komen terhadap langkah melarang aktiviti merokok dan pemilihan sebarang produk berkaitan, termasuk vape kepada generasi lahir selepas 2005 yang juga dirujuk sebagai *Generation End Game*.

Walaupun ramai menyokong langkah ini, namun terdapat juga amaran mengenai pelbagai rintangan yang bakal dihadapi kerajaan. Memang tidak boleh dinafikan bahawa pelan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk melarang penjualan rokok kepada mereka yang lahir selepas 2005, adalah satu langkah yang tepat.

Namun, adakah kerajaan sedar bahawa langkah ini penuh dengan pelbagai cabaran dan kelompangan yang boleh menggagalkan hasratnya untuk membina masyarakat bebas rokok. Cadangan langkah drastik untuk mengaharamkan penjualan semua produk vape dan rokok kepada generasi muda ini juga boleh memberi kesan kepada sosioekonomi negara ini.

Masalah penjualan rokok seludup memang wujud sekian lama, tetapi ia boleh dikatakan masih dalam kawalan. Namun, dengan larangan penjualan kepada generasi muda, sindiket penyeludupan mungkin melihat ini sebagai peluang untuk meningkatkan lagi aktiviti haram mereka.

Jika rokok seludup yang murah boleh mencari jalan untuk tiba ke tangan generasi muda, masalah ini mungkin akan lebih berleluasa berbanding sekarang. Akibatnya, tabiat merokok mungkin berkurang dalam kalangan perokok muda, tetapi mereka yang masih merokok berkemungkinan menjadi perokok tegar kerana tiada pengawasan pihak berkuasa.

Mungkin ada yang akan berkata bahawa ada

banyak undang-undang untuk mengawal isu ini, tetapi adakah ia berkesan sekarang? Penjualan rokok memang diaharamkan kepada mereka yang berusia bawah 18 tahun, tetapi kita semua boleh lihat ramainya anak muda terjebak dalam aktiviti yang memudaratkan ini.

Saya juga terbacu bahawa Malaysia adalah satu daripada negara dengan kadar penyeludupan rokok tertinggi di dunia, dengan hampir 60 peratus daripada rokok dalam pasaran adalah yang diseludup.

Terdapat pelbagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab membendung kegiatan ini, tetapi nampaknya ia kurang efektif. Kerajaan juga dikatakan kehilangan sebanyak RM5 bilion dalam hasil cukai setiap tahun akibat penyeludupan rokok.

Lihatlah apa yang berlaku di negara Bhutan, mereka mengaharamkan penjualan rokok dan larangan merokok di kawasan awam sejak 2004. Niat itu baik, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya kerana penyeludupan rokok berkembang pesat dan ramai belia negara Himalaya itu menjadi perokok. Mengapa hal itu terjadi? Ia disebabkan rokok haram mudah didapati dan tidak terkawal. Janganlah hal ini terjadi kepada negara tercinta kita.

Singapura juga sudah mengaharamkan e-rokok sejak 2018, tetapi melaporkan hampir 10,000 kes pengimportan haram peralatan vape (e-vaporiser) dan penjualan produk antara 2018 dan 2020. Kalau hal ini boleh berlaku di Singapura, bayangkan apa yang boleh berlaku di Malaysia.

Kajian menunjukkan bahawa bilangan perokok di negara kita juga semakin meningkat dengan 4.8 juta pada 2021, berbanding dengan 4.7 juta pada 2011. KKM juga melarang merokok di tempat makan sejak beberapa tahun. Jadi kedai makan di

Malaysia patut bebas rokok, tetapi adakah ini satu realiti?

Penguatkuasaan undang-undang seperti ini memang sukar kerana kekangan kakitangan. Bagaimanapun dengan pemantauan kedai yang menjual rokok kepada mereka yang lahir selepas 2005? Apa yang jelas menerusi pengenalan *Generation End Game* ini, Malaysia bakal menjadi negara pertama di dunia dengan akta sedemikian. Langkah kerajaan ini dikatakan bermula dari New Zealand. Banyak kajian dan kempen dijalankan bertahun-tahun di negara itu, tetapi ia masih lagi belum dibentangkan di Parlimennya.

Saya menyeru kerajaan supaya melakukan kajian yang lebih mendalam sebelum melaksanakan dasar dicadangkan. Jangan terburu-buru dalam usaha untuk mewujudkan negara bebas rokok, sebaliknya lakukannya dengan penuh kesabaran demi kebaikan bersama-sama.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Hari Jururawat Antarabangsa

'Seronok bergelar jururawat lelaki'

Hasbullah
puas mampu
curah bakti
uruskan pesakit

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: "Saya seronok bergelar jururawat, dapat berkhidmat dalam bidang ini memberi satu kepuasan," kata jururawat sebuah hospital swasta, Hasbullah Abdul Kadir, 52.

Katanya, ketika memilih profesion itu pada 1994, masyarakat masih pelik dengan gelaran jururawat lelaki.

"Alhamdulillah masyarakat kini lebih terbuka. Sama sahaja peranan jururawat lelaki dan wanita. Kemahiran juga sama boleh mengendalikan pesakit.

"Kami harap masyarakat lebih bertimbang rasa kerana jururawat juga manusia yang ada keluarga dan perlu masa bersama

keluarga," katanya yang berpengalaman 26 tahun sebagai jururawat.

Hasbullah yang juga Ketua Unit Bahagian Jantung dan Perfusionist turut berkongsi pengalaman dijangkiti COVID-19.

"Saya dijangkiti dua kali, kali pertama 30 Disember 2020 dan saya dirawat 14 hari di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom.

"Biarpun tidak ditidurkan, saya memerlukan bantuan pernafasan, hampir setiap hari ada sahaja kawan sebelah katil yang ditidurkan dan ada yang meninggal dunia, perasaan ketika itu memang tidak stabil," katanya.

Menurutnya, kali kedua dijangkiti akhir tahun lalu, namun hanya kuarantin di rumah kerana sudah menerima vaksin dan hanya mengalami gejala ringan.

"Biasa kita berkhidmat untuk pesakit, tetapi bila dijangkiti kita pula jadi pesakit. Masa itu baru kita rasa semua tidak kena, emosi tidak stabil dan sedih.

"Nasib baik, keluarga dan rakan banyak membantu dan beri sokongan moral," katanya yang memiliki lima cahaya mata.



Hasbullah berugas sebagai Ketua Unit Bahagian Jantung dan Perfusionist Jururawat sentiasa memastikan peralatan perubatan dalam keadaan sempurna untuk digunakan di Hospital KPJ Abdul Samad, Johor Bahru.

(Foto Omar Ahmad/BH)



Penolong Pengarah Kanan Kejururawatan, Jastariza Jisu melihat koleksi topi jururawat mengikut grad sempena Sambutan Hari Jururawat dan Pelancaran Evolusi Pakaian Seragam Jururawat 2022 di Muzium Negara, semalam.

(Foto Aziah Azanee/BH)



Ketua Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu Norwati Jalil (kiri) bersama rakan jururawat pada sambutan Hari Jururawat Antarabangsa, semalam.

(Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

976,336 kanak-kanak lengkap terima vaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 976,336 atau 27.5 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Menurut laman web COVIDNOW, sebanyak 1,580,723 kanak-kanak atau 44.5 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12

hingga 17 tahun, sebanyak 2,900,460 atau 93.2 peratus sudah lengkap vaksinasi manakala 2,998,074 atau 96.3 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam masa sama, sejumlah 16,053,311 atau 68.2 peratus golongan dewasa sudah menerima dos penggalak manakala 22,969,986 atau 97.6 peratus sudah lengkap dua dos dan 23,245,293 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

Kedah rekod 102 kes HFMD dalam 7 hari

Alor Setar: Kedah merekodkan sebanyak 102 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) bagi tempoh 1 hingga 7 Mei lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri Datuk Dr Mohd Hayati Othman berkata bilangan kes tertinggi didaftarkan di daerah Kuala Muda iaitu sejumlah 29 kes, diikuti Kota Setar (22 kes) dan Padang Terap (17 kes).

"Ini menjadikan kumu-

latif kes HFMD pada 2022 sebanyak 1,016 kes iaitu peningkatan sebanyak 46.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2019. (Sebanyak) 26 wabak juga dilaporkan berlaku dalam tempoh ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Mohd Hayati berkata trend peningkatan kes HFMD di Kedah pada tahun ini amat ketara dan telah melebihi paras ambang epidemik.

54 taska ditutup penularan HFMD

Georgetown: Sebanyak 54 taska, tadika, pusat jagaan harian dan pra sekolah di Pulau Pinang ditutup susulan penularan jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin berkata, ia bagi mencegah penyakit berkepanjangan daripada merebak.

"Penutupan premis terdiri daripada taska (30.56 peratus), tadika (20.37 peratus), peratus pusat ja-

gaan harian (3.6 peratus) dan pra sekolah (1.2 peratus).

"Bagaimanapun, kesemua premis itu sudah beroperasi seperti biasa dengan yang terakhirnya dibuka semula pada 3 Mei lalu," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Norlela berkata, situasi wabak HFMD di Pulau Pinang merekodkan 950 kes pada Minggu Epid (ME) ke-18 berbanding 102 kes yang direkodkan dalam tempoh sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 8.4 kali ganda.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

PEMBULI DOKTOR JUNIOR DI HOSPITAL PULAU PINANG

Doktor pakar pun terbabit!

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Senarai nama doktor yang diterima Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana didakwa sebagai pembuli doktor junior di Hospital Pulau Pinang (HPP) turut memabatkan individu di kalangan doktor pakar.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin memaklumkan perkara itu selepas merasmikan sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2022 di sini, semalam.

Beliau

berkata Unit Integriti KKM sudah diarah menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan buli di hospital itu manakala satu pasukan khas bebas juga

akan ditubuhkan. Khairy berkata, senarai anggota pasukan petugas khas bagi menyiasat isu buli itu serta terma dan rujukannya

akan diumumkan hari ini. Menurutnya, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang Dr Norlela Ariffin sudah menyerahkan nama lima doktor di HPP yang didakwa sebagai pembuli kepada KKM kelmarin.

Ditanya adakah lima doktor itu digantung perkhidmatan buat sementara waktu, Khairy berkata kesemua mereka masih bertu-

gas seperti biasa namun siasatan terhadap doktor itu akan berjalan.

"Kami tidak boleh pindahkan (mereka) begitu sahaja, kami perlu memastikan dahulu apa yang berlaku...ada nama dihantar adalah pakar-pakar. Bukan senang untuk kita pindahkan pakar. Buat masa ini semua bertugas seperti biasa cuma siasatan akan berjalan," katanya.

Khairy berkata, siasatan berhubung isu buli di hospital itu dijangka mengambil masa beberapa minggu untuk diselesaikan.


"Ia memabatkan tuduhan berat seperti buli dan juga budaya kerja tidak profesional. Siasatan akan melibatkan sesi temu bual dengan pe-

ngadu dan pakar yang dituduh.

"Lebih baik beri sedikit masa supaya pasukan petugas khas bebas dan Unit Integriti KKM dapat jalankan siasatan seperti biasa," katanya.

Pada 17 April lalu, seorang doktor pelatih lelaki berusia 25 tahun ditemukan maut dipercayai terjatuh dari unit kediamannya di bangunan berhampiran HPP.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Dr Maarof Sudin mengesahkan mangsa adalah Pegawai Perubatan Siswazah yang melaporkan diri pada 4 April lalu di HPP dan pihaknya akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam siasatan polis.



Larang staf buat pernyataan awam

Putrajaya: Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilarang membuat sebarang pernyataan awam kepada pihak media atau orang awam seperti disenaraikan dalam Polisi Larangan Pernyataan Awam 2021.

Penekanan berhubung perkara berkenaan turut dipaparkan dalam laman sesawang rasmi KKM.

Paparan berkenaan memaklumkan seorang pegawai awam di bawah kementeriannya tidak boleh secara lisan atau bertulis dengan apa-apa cara membuat pernyataan awam yang boleh memudaratkan dasar, rancangan atau keputusan kerajaan untuk sebarang isu.

Selain itu, warga kementeriannya juga diingatkan untuk tidak membuat pernyataan awam yang boleh memalukan atau membaurkan kerajaan.

"Membuat apa-apa ulasan mengenai kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan atau mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain," menurut paparan berkenaan semalam.

Menurut Peraturan 19(2) menyatakan bahawa seseorang pegawai dibawahnya tidak boleh membuat sebarang ulasan mengenai kelebihan apa-apa dasar,

rancangan atau keputusan kerajaan.

Turut dinyatakan ialah pegawai berkenaan tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat berdasarkan fakta berhubung perjalanan fungsi kerajaan dan memberikan sebarang penjelasan berkenaan dengan sebarang peristiwa atau laporan memabatkan kerajaan.

"Atau menyebabkan apa-apa ulasan maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sama ada peringatan polisi yang dimuat naik itu disebabkan isu doktor pelatih dibuli, beliau memaklumkan ia cuma satu polisi biasa yang dibuat dan tidak merujuk pada mana-mana isu berkaitan dengan kementeriannya.

"Itu kita punya arahan biasa, iaitu individu yang dibenarkan sahaja boleh membuat kenyataan. Ia tidak merujuk kepada kes ini (doktor pelatih dibuli).

"Apa yang penting kita memang mengambil serius berkaitan tuduhan doktor pelatih dibuli ini.

"Kita mahu lakukan siasatan yang adil kepada semua pihak dan sudah pasti doktor muda ini mahu tindakan diambil jika betul ia berlaku," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Paxlovid berkesan rawat Covid-19

Ubat antiviral akan diberikan keutamaan kepada pesakit berisiko tinggi yang mengalami gejala ringan hingga sederhana

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Ubat antiviral Paxlovid yang digunakan bagi merawat pesakit Covid-19 ternyata berkesan mengubati jangkitan virus berkenaan.

Ia terbukti apabila seramai 173 pesakit yang diberikan rawatan Paxlovid didapati sembuh sepenuhnya serta tiada sebarang kesan sampingan sehingga 9 Mei lalu.

Susulan itu golongan berisiko tinggi tidak dipaksa untuk mengambil suntikan dos penggalak kedua.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, Paxlovid dibekalkan untuk rawatan pesakit Covid-19 di 512 Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Klinik Kesihatan dan 78 hospital kerajaan bermula 15 April lalu.

Menurutnya, disebabkan berlaku penurunan imuniti dalam tempoh tertentu (*waning immunity*) terutamanya kepada individu di dalam kumpulan rentan, risiko masih lagi tinggi bagi kumpulan itu mendapat jangkitan yang teruk, dimasukkan ke hospital dan seterusnya boleh menyebabkan kematian.

Menurutnya, setakat ini, keutamaan pemberian rawatan Paxlovid kepada

kumpulan pesakit Covid-19 berisiko tinggi yang mengalami gejala ringan hingga sederhana.

Katanya, kriteria pesakit Covid-19 yang akan diberi keutamaan berumur 18 tahun dan ke atas, jangkitan Covid-19 Kategori 2 dan 3 serta tidak memerlukan terapi oksigen.

Jelasnya, golongan lain diberi keutamaan pesakit diabetes, darah tinggi, individu dengan masalah buah pinggang, pesakit asma atau paru-paru kronik, pesakit jantung dan pesakit kanser.

"Ubat ini perlu dimulakan segera dalam tempoh lima hari sejak mula bergejala untuk keberkesanan yang optimum bagi mengurangkan risiko komplikasi jangkitan yang lebih teruk.

"Pesakit Covid-19 dalam kumpulan yang tersenarai ini boleh hadir ke CAC, Klinik Kesihatan dan hospital kerajaan terpilih untuk dinilai kesesuaian sebelum boleh dimulakan dengan rawatan Paxlovid.

"KKM akan terus komited untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan bagi tujuan rawatan atau pencegahan penularan Covid-19 di Malaysia, dengan memastikan ia dinilai dengan sewajarnya berdasarkan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan," katanya.



PAXLOVID dibekalkan untuk rawatan pesakit Covid-19 di 78 hospital kerajaan bermula 15 April lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Kes baharu Covid-19 melonjak 3,321 kes

Putrajaya: Kes harian Covid-19 di negara ini terus meningkat apabila sebanyak 3,321 kes baharu dilaporkan setakat kelmarin.

Menerusi laman sesawang COVIDNOW, kes baharu yang dikesan itu membabitkan 3,311 kes tempatan dengan 10 lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 4,467,061 individu sudah dijangkiti virus berkenaan di Malaysia.

Kes baharu berkenaan paling tinggi dikesan di Selangor membabitkan 1,220 kes, diikuti Kuala Lumpur dengan 573 kes, Negeri Sembilan (288), Perak (221), Pulau Pinang (208), Putrajaya (182) dan Melaka (140).

Negeri lain mencatatkan pertambahan kes baharu dua angka iaitu Kedah dengan 98 kes, Johor (88), Pahang (73), Sarawak (71), Sabah (57), Terengganu (42), Sabah (57), Kelantan (37), Labuan (14) dan Perlis (9).

Setakat ini, terdapat sebanyak 24,850 kes masih

aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 dan daripada jumlah berkenaan sejumlah 94.1 peratus atau 23,385 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu sebanyak 1,373 individu mendapatkan rawatan di hospital, Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (34), Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (33) dan ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sebelum ini, Malaysia merekodkan jumlah kes baharu melepasi 2,000 kes tiga hari berturut-turut sejak 9 Mei lalu.

Jumlah itu dilihat meningkat berbanding sebelum perayaan Aidilfitri yang disambut pada 2 Mei lalu.

Paling rendah negara ini merekodkan pertambahan kes adalah pada 3 Mei iaitu tiga angka dengan 922 kes dicatatkan. Kali terakhir negara mencatatkan kes harian tiga angka pada 29 Mac tahun lalu iaitu sebanyak 941 kes sebelum terus melonjak ke empat angka pada 30 Mac dengan 1,133 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Selepas berjaya menangani isu doktor kontrak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menumpukan masalah kekurangan dan perjawatan jururawat di negara ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, tidak adil sekiranya beliau yang dilantik ke jawatan berkenaan tidak sedaya-upaya mendapatkan apa yang dikehendaki oleh jururawat.

"Saya akan bekerjasama

KKM fokus masalah kekurangan jururawat

dengan Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Dr Noor Hisham Abdullah) dan Datuk KSU (Ketua Setiausaha KKM Datuk Harjeet Singh Hardev Singh).

"Saya akan pastikan rakyat tidak akan lupa kepada perjuangan sektor kesihatan sebab itu pada tahun ini, saya nak bawa kertas putih kepada Parlimen supaya kita

dapat menjamin pelaburan yang terbaik untuk kesihatan awam untuk tahun mendatang.

"Jangan lepaskan peluang yang mana rakyat kini memandang sektor kesihatan dan ini masa untuk meminta secukupnya untuk sektor kesihatan," katanya dalam ucapan perasmian sempena Sambutan Hari Jururawat An-

tarabangsa 2022, semalam.

Khairy berkata, walaupun tidak dapat membantu jururawat secara 100 peratus namun beliau berjanji akan berusaha sebaik mungkin dalam menangani isu yang membelenggu sektor berkenaan.

"Kalau saya kata saya nak buat, saya akan usahakan. Saya tidak suka tabur janji,

saya akan cuba yang terbaik seperti yang dilakukan ketika isu doktor kontrak sebelum ini. Walaupun tidak dapat membantu 100 peratus namun saya akan usahakan juga," katanya.

Mengulas lanjut mengenai isu jururawat, Khairy berkata, negara kini berdepan dengan kekurangan jururawat namun tidak mahu

mendedahkan jumlah sebenar kekurangan dalam sektor berkenaan.

"Selain itu, saya akan membantu status jururawat kontrak yang membabitkan seramai 3,469 orang, bantu jururawat yang sudah mempunyai ijazah namun masih berada dalam gred sokongan (2,998 orang) dan jururawat masyarakat yang sudah ambil kursus namun belum dilantik ke U29 (1,030 orang)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



ISMAIL
SABRI

PM ucap Selamat Hari Jururawat Sedunia

PETALING JAYA — Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua jururawat di negara ini atas pengorbanan mereka.

Ucapan itu diberikan sempena Hari Jururawat Sedunia yang disambut semalam.

"Besarnya pengorbanan dan jasa para jururawat kepada Keluarga Malaysia. Segalanya menjadi taruhan, bukan sahaja masa tetapi kudrat mereka untuk menja-

min kesihatan dan nyawa semua.

"Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua jururawat di negara ini. Jasa anda amat besar terutamanya ketika negara menghadapi pandemik Covid-19," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Ismail Sabri berkata, jururawat juga adalah barisan hadapan yang amat beliau sanjungi.

"Terima kasih dan Selamat Hari Jururawat Sedunia 2022," ujar beliau.



HARI Jururawat disambut pada tanggal 12 Mei setiap tahun. — GAMBAR HIASAN

Kes HFMD di empat negeri turut tunjuk peningkatan ketara

PETALING JAYA — Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di empat negeri di seluruh negara turut menunjukkan peningkatan ketara.

Di **Alor Setar**, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Kedah, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, jumlah kumulatif sebanyak 1,016 kes dicatatkan setakat ini dan meningkat 46.6 peratus berbanding tempoh sama pada tahun 2019 iaitu sebelum pandemik Covid-19.

"Trend peningkatan kes HFMD di negeri Kedah pada tahun ini amat ketara bermula pada ME ke-13 dan telah melebihi paras ambang epidemik," ujarnya.

Di **George Town**, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr. Norlela Ariffin berkata, sejak awal tahun ini sehingga Mei mencatatkan peningkatan iaitu mencecah 959 kes berbanding 102 kes dalam tempoh yang sama tahun lalu.


"Jumlah itu adalah peningkatan sebanyak 8.4 kali ganda," kata beliau.

Di **Melaka**, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr. Rusdi Abd. Rahman berkata, Kes HFMD di Melaka meningkat sembilan kali ganda iaitu sebanyak 977 kes direkodkan, sehingga minggu ini.

"Sebelum ini sebanyak 95 kes direkodkan dalam tempoh sama, tahun lalu.

"Bagaimanapun, kes HFMD di negeri ini masih terkawal meskipun mengalami peningkatan sebanyak 923 peratus," katanya semalam.

Di **Kota Bharu**, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, jumlah kes HFMD di Kelantan meningkat sebanyak 553 peratus apabila sebanyak 1,548 kes dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi (ME) ke-18 iaitu pada 1 Mei hingga 7 Mei lalu berbanding hanya 237 kes sahaja dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.



HFMD kerap menyerang kanak-kanak yang berusia di bawah enam tahun. — GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Banyak aduan kurang jururawat diterima

PUTRAJAYA – Isu kekurangan jururawat antara aduan yang banyak diterima oleh Kementerian Kesihatan (KKM) sekali gus perlu ditangani dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sehubungan itu, beliau berusaha untuk menangani masalah melibatkan kekurangan jururawat di negara ini.

"Saya bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah beberapa minggu lalu telah pergi ke Hospital Tunku Azizah (HTA), Kuala Lumpur. Hospital ini sangat moden dan canggih serta dibina untuk ibu dan anak di Kuala Lumpur.

"Bagaimanapun, ia tidak dapat dimaksimumkan perkhidmatannya sebab tidak cukup jururawat. Jadi kita telah cepatkan kelulusan jururawat dihantar ke HTA dan usahakan untuk hospital lain juga," katanya semasa berucap pada sambutan Hari Jururawat Antarabangsa di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, masih terdapat jururawat

berstatus kontrak, malah beliau juga cuba untuk membantu jururawat yang mempunyai ijazah sarjana muda, namun masih berada dalam gred kumpulan sokongan.

Katanya, selain itu terdapat jururawat masyarakat yang sudah menjalani kursus, namun sehingga kini belum dilantik menjadi jururawat U29.

"Kita cuba usahakan, saya tak berani janji 100 peratus tapi saya rasa tidak adil atas perjuangan jururawat kalau Menteri Kesihatan tidak cuba sedaya upaya untuk mendapatkan tempat.

"Saya berharap jururawat terus berkhidmat dengan cemerlang, menenangkan pesakit di hospital. Saya sebagai pembuat dasar akan berusaha sedaya upaya memberi yang terbaik.

"Tahun ini saya nak bawa kertas putih ke Parlimen supaya dapat menjamin pelaburan kesihatan untuk tahun mendatang," katanya.

Berdasarkan statistik Bahagian Perancangan KKM, setakat 31 Disember 2020, seramai 72,826 jururawat berada dalam sektor awam dengan yang berada bawah KKM seramai 67,027.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Pasukan petugas khas akan jalan siasatan, semua jalankan tugas seperti biasa

Doktor pakar dalam senarai 'pembuli'

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mendedahkan lima nama doktor yang didakwa sebagai 'pembuli' di Hospital Pulau Pinang (HPP) turut melibatkan doktor pakar.

Beliau mengesahkan sudah melihat nama tersebut yang sebelum ini telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Apa yang kita lihat sekarang ialah aduan dibuat. Ada nama telah dihantar kepada saya ialah peringkat pakar."

"Bukan senang kita pindahkan, jadi buat masa ini, semua bertugas seperti biasa. Cuma siasatan berjalan," katanya ketika ditemui pada sambutan Hari Jururawat Antarabangsa di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, siasatan berhubung tuduhan itu dijalankan oleh Unit Integriti KKM dan pasukan petugas khas bebas akan diumumkan hari ini.

"Unit integriti kita iaitu siasatan tatatertib biasa dan setelah siasatan dibuat secara sepe-nuhnya, maka laporan akan di-beri tentang tuduhan tersebut."

"Sekarang ini kita menerima



KHAIRY JAMALUDDIN (tengah) hadir pada Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa di Hotel Everly, Putrajaya semalam. — FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

banyak aduan dan tuduhan, nama doktor dan pakar yang kononnya atau yang dikatakan membuli doktor junior," katanya.

Sehubungan itu, ujarnya, untuk memastikan keadilan kepada semua pihak, ia mesti melalui proses telus yang akan dikemu-

kakan kepada beliau nanti.

"Itu adalah proses dalaman biasa kita laksanakan. Selain itu, seperti saya umumkan sebelum ini, satu pasukan petugas khas akan ditubuhkan dan mereka juga akan terlibat aduan-aduan tersebut."

"Bukan saya mempengeruskannya (pasukan petugas khas) dan esok saya akan umum sebab ia melibatkan terma," ujarnya.

Ditanya jangka masa siasatan, beliau berkata, kebiasaannya aduan mengambil masa beberapa minggu kerana melibatkan



KERATAN Kosmo semalam.

tuduhan berat iaitu buli dan budaya kerja tidak profesional.

"Jadi akan melibatkan sesi temu bual dengan pengadu serta pakar yang telah dituduh sebagainya. Lebih baik kita beri sedikit masa supaya pasukan petugas ini dan unit integriti menjalankan siasatan dan kita akan tengok kedua-dua hasil siasatan tersebut sebelum tindakan diambil," jelasnya.

Jelas beliau, pihaknya mengambil serius semua tuduhan dan yang penting dapat menjalankan siasatan dengan adil dan telus untuk semua pihak.

"Sebagai menteri, saya tak boleh ambil tindakan atas media sosial dan mesti melalui proses siasatan telus dan betul," tegasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : SUARA SINAR

Jangan ambil mudah kesan *long Covid*



ANALISIS
 MUKA 16
 PUPERAHAZAD DARSONO

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada 10 Mei lalu memaklumkan berita gembira bahawa sebanyak 30 hingga 40 peratus pesakit yang mengalami simptom Covid-19 berpanjangan (*long Covid*) di negara ini dapat kembali bekerja dalam tempoh tiga bulan selepas dijangkiti.

Beliau berkata, sebanyak 60 hingga 70 peratus pesakit pula dapat kembali bekerja dalam tempoh enam bulan selepas dijangkiti.

Selain itu, katanya, lebih 4.4 juta individu sudah sembuh jangkitan Covid-19 sejak melanda negara lebih dua tahun lepas. Namun ia mungkin permulaan kepada perjuangan yang panjang ke arah pemulihan sepenuhnya bagi segelintir individu.

Jujurnya, pengetahuan penulis mengenai *long Covid* hanya melalui bacaan dan penceritaan rakan-rakan yang pernah diserang virus Covid-19. Bagaimanapun, melihatkan mereka kembali bekerja seperti biasa, penulis kira mereka telah sembuh sepenuhnya. Wallahuallah.

Namun, pulang beraya di kampung tempoh hari menyedarkan penulis betapa seriusnya kesan *long Covid*. Melihat perubahan abang ipar yang merupakan bekas pesakit Covid-19, begitu mengejutkan. Dapada seorang yang aktif, bersemangat dan kreatif, dia menjadi pasif, susut tubuh badan, lesu, sensi-

tif dan tampak murung.

Tidak berani bertanya kepada empunya tubuh, penulis merisik khabar melalui kakak. Ternyata apa yang diberitahu amat meruntun jiwa. Tiada lagi kedengaran arahnya untuk kami bergambar di pagi raya, tiada lagi bunyi ketikan kameranya yang sering merakam aksi dan suasana, sekali gus tiada gambar-gambar kreatif hasil seninya pada Aidilfitri ini.

